

# PEMBERITAHU

## PERMOHONAN TAPAK DAN LESEN PENJAJA SEMENTARA DI BULAN RAMADHAN 2017

1. Permohonan adalah dipelawa kepada peniaga-peniaga yang berminat untuk menjalankan perniagaan makanan/minuman di bulan Ramadhan 2017 bagi kawasan berikut :

1.1	Kg. Raja (Jalan Aman)	-	Guna Kanopi (Pertimbangan berdasarkan kepada penyerahan borang berserta bayaran terawal kerana tapak adalah terhad)
1.2	Kg.Raja (Tapak Pasar Malam)	-	Guna Kanopi (Tidak dibenarkan berniaga pada hari Ahad kecuali yang ada lot untuk berniaga di Pasar Malam dan gerai hendaklah dipindah pada hari tersebut).
1.3	Alor Lintang	-	Sebelah Perhentian Bas (Di hadapan Padang Sek. Men. Tg. Mahmood II)
1.4	Bukit Kenak	-	Tidak dibenarkan berniaga pada hari Khamis kecuali yang ada Lot untuk berniaga di Pasar Malam
1.5	Kuala Besut	-	Tapak Pasar Minggu (peralatan jualan hendaklah dipindahkan pada hari Isnin dan Jumaat).
1.6	Pasir Akar	-	Di hadapan Tapak Pasar Malam
1.7	Nyior Tujuh	-	Di hadapan RAKR Nyior Tujuh
1.8	Jerteh	-	Guna Kanopi – sebelah Terminal Bas dan Teksi, Jerteh.

2. Masa perniagaan mulai **pukul 2.30 petang hingga pukul 7.00 malam** pada setiap hari. Peniaga hanya dibenarkan masuk ke kawasan berkenaan bersama barang perniagaan mulai pukul **2.00 petang**.
3. Perniagaan mestilah dijalankan di dalam petak yang ditetapkan seperti di dalam pendaftaran dan hendaklah berniaga sendiri.
4. Pemohon dan semua Pembantu diwajibkan menghadiri kursus Latihan Pengendali Makanan yang diiktirafkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Kebersihan diri, makanan serta kebersihan alatan hendaklah sentiasa dijaga:
  - a. Semua pengendali makanan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan Typim Vi;
  - b. Memakai apron dan penutup kepala;
  - c. Gunakan pembungkus makanan sekali guna (Disposable Cookies) atau pembungkus yang diluluskan oleh Majlis;
  - d. Gunakan penyepit semasa mengambil makanan;
  - e. Gunakan bekas yang bertutup bagi mencegah berlaku pencemaran.
6. Semua Pelesen /Pembantu hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat .
7. Sebarang penjualan **mercun, bunga api** dan lain-lain yang tidak berkaitan dengan makanan adalah tidak dibenarkan.
8. Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen berikut semasa menyerah borang permohonan berserta apa-apa bayaran yang dikenakan :
  - a. 3 Keping Gambar Pemohon / 2 keping setiap Pembantu berukuran Kad Pengenalan
  - b. 1 Salinan Kad Pengenalan Pemohon / setiap Pembantu
  - c. 1 Salinan Surat Sijil Akuan Kesihatan Pemohon / setiap Pembantu
  - d. 1 Salinan Sijil Latihan Pengendali Makanan Pemohon /setiap Pembantu

9. Kadar bayaran adalah seperti berikut :
  - a. Bayaran Borang RM2.00 dan Proses Lesen RM5.00
  - b. Bayaran Lesen Penjaja Sementara RM60.00 @ RM2.00 sehari
  - c. Kad Lesen Pengendali Makanan RM4.00 setiap satu
  - d. Bayaran Perkhidmatan Kebersihan RM120.00 sebulan kecuali Kelapa Muda –RM180.00 sebulan
  - e. Bayaran Sewa Tapak RM50.00 sebulan (Tapak 10'X10')
  - f. Bayaran Sewa Kanopi RM350.00 sebulan (Tapak 10'X10')
10. Tempat jualan (Lot niaga) adalah secara undian setelah borang dilengkapkan dan menjelaskan bayaran yang dikenakan. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan.
11. Kad Lesen Pengendali Makanan hendaklah dipakai semasa mengurusniaga.
12. Semua Pelesen/Pengendali Makanan (Pembantu) yang terlibat dikehendaki hadir ke Majlis Taklimat, Penyerahan Kad Lesen/Pengendali Makanan serta Undian Lot niaga pada :

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>17 Mei 2017 (Rabu )</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Dewan Majlis Daerah Besut, Gong Kemuntong Jerteh</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>9.00 pagi</b>
13. Tempat perniagaan hendaklah sentiasa di dalam keadaan bersih. Segala sisa sampah/sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik sebelum dilupuskan ke dalam tong sampah awam.
14. Alatan perniagaan seperti gerai,meja dan sebagainya hendaklah dipindahkan pada hari akhir bulan Ramadhan 1438H. Sekiranya selepas tempoh ini masih ada alatan/barangan yang ditinggalkan, pihak Majlis akan memindahkan dan melupuskannya serta menuntut kos pelupusan tersebut dari Pemohon/Pelesen.
15. Pelesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberikan oleh pihak pejabat berkenaan dengan penempatan gerai,meja atau lain-lain yang berkaitan dengan perniagaannya.
16. Borang permohonan boleh didapati /diperolehi di **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Daerah Besut** mulai **17 April 2017 (Isnin)**, pada bila-bila masa waktu pejabat.
17. Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 April 2017 (Khamis)**.

Sekian, terima kasih.

**“TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(AB. RASID BIN JUSOH)**

Yang Dipertua

Majlis Daerah Besut